

# INGATAN KEPADA RAKYAT SEMPENA HARI KEBANGSAAN

HARI ini berjuta-juta mengikuti sambutan gemilang Hari Sel yang ke-30 yang melambangkan kesetiaan. Perhin perbarisan dan patahun ini merupal terbesar dengan

# Kesetiaan

*Renungan*

SESUNGGUHNYA 'benar' itu tenteram hong' itu bimbang. — Maksud Hadis riw Termizi.

UM 31 AUG 1987

# benteng pertahanan maruah — PM

**KUALA LUMPUR 30 Ogos** — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat Malaysia bahawa kesetiaan merupakan salah satu nilai yang menjadi benteng bagi pertahankan kebebasan dan maruah negara.

Perdana Menteri berkata, ia bukan sahaja bermakna kesetiaan kepada negara, walaupun ini adalah puncak kepada kesetiaan tetapi ia juga bermakna kesetiaan kepada diri sendiri, kepada keluarga, tempat tinggal dan kepada masyarakat.

Dalam perutusan Hari Kebangsaan yang ke-30 menerusi Radio Televisyen Malaysia malam ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, apabila seseorang itu setia, mereka bukan sahaja tidak akan mengkhianati objek kesetiaan tetapi akan berusaha secara positif untuk melindungi

objek kesetiannya. Kerajaan, kata Perdana Menteri, memilih tema "Setia Bersatu, Berusaha Maju" dengan harapan supaya semua golongan dapat menghayati panduan yang diberi oleh tema tersebut.

"Tiap-tiap slogan yang dicipta mempunyai niat yang baik dan dipercayai boleh menolong kita mencapai kehidupan yang lebih bahagia. Oleh itu terimalah slogan ini dan gunakannya sebagai panduan. Insya-Allah, kita akan berbahagia kerananya," kata beliau.

Menyentuh tentang erti kesetiaan, Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan, kesetiaan kepada diri sendiri, umpamanya, bermakna bahawa seseorang itu bukan sahaja tidak akan mengkhianati diri dengan menceburkan diri dalam penagihan dadah tetapi sebaliknya melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang boleh membawa manfaat.

Beliau berpendapat, jika kesetiaan dipanjangkan kepada keluarga, masyarakat, bangsa, agama dan negara, seseorang itu akan memperolehi kehidupan

yang bahagia dan terlindung daripada segala jenayah dan maksiat.

Kata Perdana Menteri: "Mungkin ini adalah harapan yang terlalu idealistik dan tidak dapat dicapai tetapi sebagai manusia yang bertamadun dan berakal fikiran, kita harus berusaha untuk mencapai keadaan yang bersih daripada sebarang kecacatan walaupun tidak mungkin mencapainya kerana hanya Allah sahaja

**LIHAT MUKA 6**

yang tidak cacat.”

Tidak berusaha ke arah ini, bermakna seseorang itu tidak menghargai segala nikmat yang diberi Tuhan dan dengan lain perkataan mereka tidak setia dan tidak akan maju dan mencapai kejayaan. Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, jika seseorang itu mempunyai satu puncak tumpuan kesetiaan, satu puncak yang terkecuali dan tidak memihak kepada

sesiapa serta ditujukan kesetiaan kepadanya maka perselisihan akan kurang ketara. Dengan adanya sistem raja berperlembagaan, kata Perdana Menteri, kemungkinan ini wujud. Beliau juga mengingatkan bahaya penjajahan jenis baru seperti penjajahan ekonomi, ideologi dan kebudayaan yang telah berjaya menakluk semula negara dan bangsa yang

telah mencapai kemerdekaan. Penjajahan ekonomi, katanya, dilakukan oleh kuasa - kuasa ekonomi dunia dengan cara manipulasi mereka yang boleh menjatuhkan harga barangan sehingga tidak ada keuntungan daripada hasil usaha negara ini. “Di masa yang sama, mereka menentukan kos pengeluaran kita tidak dapat diturunkan dengan

melakukan hasutan supaya daya pengeluaran kita tidak mungkin diturunkan,” katanya. Demikianlah halusnya hasutan orang - orang asing ini sehingga ada di antara rakyat negara ini sanggup meminta supaya mereka menghalang pemulihan ekonomi negara,” tegas beliau. Perdana Menteri menegaskan, apabila orang asing sudah boleh

menentukan maju mundurnya ekonomi, maka terjahalah negara ini, ataupun hilanglah kemerdekaan. Mengenai penjajahan kebudayaan, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu, di negara ini ada yang membelakangkan nilai hidup sendiri dan meniru dengan bulat - bulat kelakuan dan tingkah laku bangsa lain. “Identiti bangsa kita

tercemar dan jika ia berleluasa, mungkin identiti bangsa kita akan digantikan dengan identiti bangsa penjajah,” katanya. Beliau berkata, sekiranya luput nilai hidup, maka rakyat negara ini tidak akan berkuasa ke atas diri sendiri dan dengan itu mereka telah dijajah. Datuk Sri Dr. Mahathir mahu supaya kebanggaan mencapai 30 tahun merdeka tidak melalai tetapi sebaliknya menebalkan semangat untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada masa hadapan. Katanya, jika seseorang itu tidak menghargai perjuangan kemerdekaan, mereka mungkin tidak menghargai dan mempertahankannya serta tidak berusaha untuk mengisi kemerdekaan dengan pembangunan yang memberi makna. Perdana Menteri mengingatkan bahawa kemerdekaan bukan suatu keadaan semulajadi dan penjajahan bukan sudah lesap sama sekali. Katanya, perangkaan menunjukkan bahawa dua daripada tiga orang penduduk negara ini terdiri daripada generasi muda dan mengikut anggaran kira-kira 68 peratus penduduk adalah di bawah umur 30 tahun. Mereka harus diingatkan supaya menyambut kemerdekaan tidak melalakan diri masing - masing tetapi menebalkan semangat untuk terus maju dan berusaha di masa akan datang.